

MINIT MESYUARAT AGUNG PERMULAAN KOPERASI HARMONIS SENTOSA SELANGOR BERHAD

1. Mesyuarat kerana menubuhkan koperasi yang dinamakan Koperasi Harmonis Sentosa Selangor Berhad telah diadakan pada 22/04/2007 mulai jam 10.45 pagi bertempat di Surau Khairiah Kg Tengah, Gombak.
2. Hadir dalam mesyuarat agung permulaan ini ialah seramai 173 orang bakal anggota.

Turut hadir ialah:

Encik Mohd Mekah Bin Hassan
- Pegawai Jabatan Pembangunan Koperasi
Wilayah Gombak & Hulu Langat

3. Majlis telah dijuarakan oleh Syed Haidzir b. Syed Ahmad selaku Pengerusi Surau Khairiah dan Pengerusi JKKH-S (Jawatankuasa Keselamatan dan Kebajikan Harmonis Sentosa)

Mesyuarat telah di resmikan oleh YB Tuan Yuszahari Hj. Mohd Yusof ADUN Gombak Setia.

4. **Keputusan Mesyuarat**

1) **Perlantikan Pengerusi Mesyuarat**

YBhg. Dato' Seri Dr. Salleh bin Mohd Nor telah dilantik dengan sebulat suara untuk mempengerusikan mesyuarat ini atas cadangan En Mohammad Makhtar b. Mohd Salleh yang disokong oleh En Zulkifli bin Ishak.

2) **Persetujuan Menubuhkan Koperasi**

Tujuan Koperasi ini ditubuhkan dan aktiviti-aktiviti yang boleh dikendalikan olehnya telah diterangkan kepada mesyuarat oleh YBhg. Dato' Seri Dr. Salleh bin Mohd Nor semasa acara pembukaan dan berikutan itu, atas cadangan Dato' Seri Lokman Hakim b. Md. Jasan yang disokong oleh En Murtaza Ibrahim bersetuju dengan sebulat suara menubuhkan sebuah koperasi dengan tanggungan berhad yang dinamakan Koperasi Harmonis Sentosa Selangor Berhad.

3) **Penerimaan Undang-Undang Kecil Koperasi**

Undang-undang Kecil Koperasi yang dicadangkan untuk di pakai bagi Koperasi ini sebagaimana yang telah diedarkan kepada bakal-bakal anggota telah diterangkan oleh Mohd Jaaffar b. Mohd Daud selaku setiausaha AJK Penaja dan atas cadangan En Mohammad Makhtar b. Mohd Salleh yang disokong oleh Puan Zaiton binti Omar bersetuju sebulat suara menerima Undang-undang Kecil itu dengan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagaimana diperuntukkan di dalamnya.

4) Permohonan Bagi Didaftarkan Sebagai Koperasi

Atas cadangan En Murtaza Ibrahim yang disokong oleh En Mohammad Makhtar b. Mohd Salleh bersetuju sebulat suara membuat permohonan kepada Ketua Pendaftar Koperasi bagi didaftarkan koperasi ini dan Undang-undang Kecilnya.

5) Perlantikan Lembaga dan Memberi Kuasa Bagi Menandatangani Permohonan Pendaftaran

Mesyuarat dengan sebulat suara melantik nama-nama berikut untuk menganggotai Lembaga Koperasi ini serta menguasai mereka bagi menandatangani permohonan untuk mendaftarkan Koperasi Harmonis Sentosa Selangor Berhad dan Undang-undang Kecilnya:

Bil	Nama Anggota Lembaga	Nama Pencadang	Nama Penyokong
1.	Dato' Seri Dr. Salleh bin Mohd Nor.	Murtaza Ibrahim	Mohamed Rafik b Nabi Ahmad
2.	Mohd Jaaffar b. Mohd Daud.	Murtaza Ibrahim	Mohamed Rafik b Nabi Ahmad
3.	Zulkifli bin Ishak.	Murtaza Ibrahim	Mohamed Rafik b Nabi Ahmad
4.	Mohammadan Makhtar b. Mohd Salleh.	Murtaza Ibrahim	Mohamed Rafik b Nabi Ahmad
5.	Hasnan bin Abdul Samad.	Murtaza Ibrahim	Mohamed Rafik b Nabi Ahmad
6.	Jasni bin Mad Hasan.	Murtaza Ibrahim	Mohamed Rafik b Nabi Ahmad
7.	Omar bin Kaban.	Murtaza Ibrahim	Mohamed Rafik b Nabi Ahmad
8.	Tuan Ramlan T. Sulaiman.	Murtaza Ibrahim	Mohamed Rafik b Nabi Ahmad
9.	Md Yakin bin Alias.	Murtaza Ibrahim	Mohamed Rafik b Nabi Ahmad
10.	Syed Haidzir b. Syed Ahmad.	Murtaza Ibrahim	Mohamed Rafik b Nabi Ahmad
11.	Fahirurazi Hj Yaacob	Murtaza Ibrahim	Mohamed Rafik b Nabi Ahmad
12.	Dato' Seri Lokman Hakim b. Md. Jasan.	Murtaza Ibrahim	Mohamed Rafik b Nabi Ahmad

13.	Azman b. Shamsuddin.	Murtaza Ibrahim	Mohamed Rafik b Nabi Ahmad
14.	Abd. Malek b Abd. Khalil.	Murtaza Ibrahim	Mohamed Rafik b Nabi Ahmad
15.	Amrun Shah Ishak.	Syed Haidzir b. Syed Ahmad.	Mohd Jaaffar b. Mohd Daud
16	Datin Rabiah bt Mohamed Nasib.	Zainuddin b Mohamad	Md Yakin bin Alias

6) Mesyuarat ditamatkan jam 11.30 tengah hari.

Dicatit dan disediakan oleh: Mohd Jaaffar b. Mohd Daud
Setiausaha AJK Penaja